

PENJABARAN KONSEP WILAYAH DAN KELAUTAN MENGIKUT PENSEJARAHAN ASIA DAN BARAT: SEBELUM HINGGA SELEPAS TAHUN 1600

The Explanation of Terrestrial and Maritime Concepts According to Asia And Western Historiography: Before and After Years 1600

Amy Azuan Abdullah¹

Lai Yew Meng²

Maureen De Silva³

^{1&3}*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

²*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah*

¹*amy_azuan@yahoo.com,*

²*Lyewmeng@ums.edu.my,*

³*maureen@ums.edu.my,*

Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Elemen wilayah dan kelautan secara tidak langsung telah mendasari pemahaman mengenai unsur kedaulatan sebuah negara. Dalam pensejarahan Asia dan Barat, wilayah dan kelautan mempunyai pemahaman serta penerapan yang berbeza. Pencerakinan fenomena ini dapat dinilai seawal zaman tradisional Asia Tenggara yang dipengaruhi unsur Hindu-Buddha, Islam dan China tradisional hingga penglibatan kuasa Barat. Oleh itu, kajian ini akan mencuraikan perbezaan konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat dalam tempoh sebelum dan selepas tahun 1600. Objektif yang ingin dicapai ialah, membincangkan elemen yang wujud dalam menjelaskan konsep wilayah dan kelautan Asia Tenggara serta sistem yang membentuk hubungan antarabangsa tradisional; akhir sekali, menjelaskan konsep wilayah dan kelautan selepas kedatangan kuasa Barat yang memunculkan pelbagai istilah perundangan serta sistem mengenai wilayah dan kelautan. Pendekatan yang digunakan adalah melalui kaedah kualitatif iaitu mengumpul dan menganalisis sumber sekunder. Kajian mendapati bahawa, perbezaan konsep wilayah dan kelautan

Amy Azuan Abdullah *et.al*,

mengikuti pensejaraan Asia dan Barat memberi kesan terhadap pemahaman aspek persempadanan dan kedaulatan sebuah negara. Ironinya, manifestasi penganutan mengikuti dogma Barat mengakibatkan berlakunya kontradiksi memahami konsep wilayah dan kelautan pada era kontemporer.

Kata Kunci: Wilayah, kelautan, Asia, Barat

Abstract

The terrestrial and maritime elements indirectly underpinned the understanding of the sovereignty of a country. In fact, the terrestrial and maritime concepts have different understanding in comparison to Asia and Western historiography. The development assessed as early as the traditional period of Southeast Asia which was influenced by traditional Hindu-Buddhist, Islamic and Chinese element until the involvement of Western powers. Therefore, this study explained the differences between terrestrial and maritime concepts according to Asia and Western historiography in the period before and after the year 1600. The objective to be achieved is to discuss the element that exist in explaining the terrestrial and maritime concepts of Southeast Asia and the system that forms traditional international relations; finally, explaining the concept of terrestrial and maritime after the arrival of Western powers that gave impact to various legal terms and system. The approach used is through a qualitative method which is collecting and analyzing secondary sources. The study found that the difference in the concepts of terrestrial and maritime according to the Asia and Western historiography has an impact on the understanding of demarcation and sovereignty of a country. Ironically, the manifestation of adherence to Western dogma result in the occurrence of contradictions in understanding the concepts of terrestrial and maritime in the contemporary era.

Keywords: Terrestrial, Maritime, Asia, Western

Pengenalan

Ruang lingkup wilayah (daratan) dan kelautan (maritim) mempengaruhi pemahaman mengenai aspek kedaulatan sebuah negara. Dalam kes

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikuti Pensejarahan
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

Asia Tenggara, elemen ini secara tidak langsung terangkum bagi memahami aspek geopolitik dan sejarah di Laut China Selatan (LCS). Spektrum ini tidak boleh diketepikan untuk memahami dunia Asia yang berubah setelah kedatangan kuasa Barat. Salah satunya adalah dari segi pemahaman serta penganutan konsep wilayah dan kelautan. Sebelum kedatangan Barat, konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dipengaruhi oleh unsur Hindu-Buddha dan berubah selepas kedatangan agama Islam di Asia Tenggara. Dalam masa yang sama, faktor China khususnya berdasarkan perspektif kuno mereka dalam hal ehwal dunia seberang laut juga mempengaruhi ketamadunan dan hubungan yang berlaku dalam kerajaan awal Asia Tenggara (Amy Azuan Abdullah, 2023: 418).

China memperkenalkan pelbagai konsep dalam hubungan antarabangsa awalan termasuk melalui sistem tributari dan pengiktirafan terhadap kuasa hegemoni China di Asia Tenggara yang merupakan sebahagian daripada Orde Dunia China yang kuno. Walau bagaimanapun, keagungan China sebagai kuasa hegemoni mula terhakis selepas kehadiran Barat di LCS dan Asia Tenggara. Barat yang bertindak sebagai kuasa imperialis mula memunculkan diri dan berminat dengan Asia Tenggara atas pelbagai faktor yang diketahui umum melalui matlamat 3G (*Gold, Glory* dan *Gospel*). Fenomena ini berlaku rentetan daripada perkembangan yang berlaku di Eropah selain galakan daripada pemerintah untuk menjadi bangsa teragung di dunia. Portugis dan Sepanyol antara kuasa Barat utama yang bersaing menguasai perdagangan rempah sebelum Belanda, British, Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat memulakan misi yang sama ke atas kawasan Asia Tenggara (Amy Azuan Abdullah, 2023: 419). Akhirnya, kedatangan kuasa Barat telah memunculkan konsep yang berbeza difahami dan dianuti oleh dunia Asia tradisional dengan pelbagai sistem dan perundangan yang mempengaruhi aspek wilayah dan kelautan. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan tentang penjabaran atau penerangan mengenai konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat dalam tempoh sebelum (era tradisional) hingga selepas tahun 1600 (kehadiran kuasa Barat di Asia). Secara tidak langsung, elemen yang mendasari kedua-dua konsep ini akan dihuraikan bagi mengukuhkan premis bahawa terdapat perbezaan jelas mengenai konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat. Sementelahan, semua ini penting bagi memahami permasalahan dan polemik pertikaian yang berlaku dalam konteks wilayah dan kelautan mutakhir kini.

Elemen Perajaan (Raja) dan Negara dalam Konsep Wilayah dan Kelautan Asia Tenggara

Zaman tradisional Asia Tenggara yang bermula kira-kira pada abad ke-13 telah mencapai kemuncak kegemilangan sosiobudaya dan politiknya pada abad ke-15 dan ke-16 selepas kedatangan Islam. Penyebaran Islam di Nusantara mengakibatkan kemunculan pusat kuasa baru menggantikan empayar Hindu-Buddha lama seperti Melaka dan Mataram (menggantikan Majapahit), Sukhothai dan Ayudhya (menggantikan Angkor), Ava dan Toungoo (menggantikan Pagan) dan Hue (Pian, 1997: 22-24). Walaupun berlaku perkembangan yang pesat melibatkan kerajaan dan memberi kesan terhadap masyarakat setempat, Asia Tenggara kurang menjalinkan hubungan diplomatik rasmi dengan negara luar rantaunya kecuali China. Hubungan diplomatik dengan China wujud melalui dasar kerajaan China yang berhasrat menentukan undang-undang dan ketenteraman di bahagian selatan. Keadaan ini penting bagi menjamin kestabilan aktiviti perdagangan China khususnya dalam tempoh *pax sinika*.¹ Bagi Asia Tenggara, meskipun hubungan dengan China adalah ketat dan kadang kala menyusahkan, korelasi ini menghasilkan keuntungan ekonomi dan politik.

Konsep wilayah dan kelautan tradisional salah satunya dipengaruhi oleh konsep Perajaan. Dalam pandangan dunia Asia Tenggara, konsep Perajaan sama ada menerusi pengaruh ajaran Hindu, Buddha ataupun Islam merupakan institusi paling penting dalam pemikiran politik Asia Tenggara. Sebuah wilayah pada zaman tradisional sangat bergantung terhadap keabsahan raja yang memimpin kerajaan yang menentukan corak pentadbiran sebuah negara. Sebagai contoh, karya Sejarah Melayu menekankan bahawa negara hanya wujud selagi adanya seorang raja yang berwibawa (Brown, 1976: 185). Dalam masa yang sama, hubungan antara dua buah negeri pada asasnya amat bergantung pada pendirian dan kebijaksanaan raja pemerintah yang membentuk hubungan dua buah pusat kuasa yang terlibat. Dalam kalangan raja beragama Buddha seperti di Ayudhya dan Pegu, asas ini dipengaruhi oleh paradigma *cakravatin* yang menuntut rajanya untuk memaparkan kuasa moral melalui kegiatan keagamaan seperti membina pagoda dan memberikan perlindungan diraja melalui kekuatan tenteranya. Keadaan ini tidak banyak berbeza bagi raja yang menganuti agama Islam. Seperti negara lain yang mengamalkan budaya Hindu-

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejajaran
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

Buddha, raja pemerintah Islam merupakan sumber segala kuasa di dalam masyarakatnya dari aspek politik, ekonomi dan rohani serta mengamalkan prinsip perajaannya berdasarkan sifat adil dan mempunyai ilmu. Sering kali raja beragama Islam di Asia Tenggara berpegang kepada paradigma raja "*syahan syah*" iaitu sebuah konsep hampir sama dengan *cakravatin* (Pian, 1997: 26).

Konsep negara dalam konteks tradisional Asia Tenggara pula berkisar tentang aspek sosiobudaya dan berbeza dengan fahaman konsep yang diajukan oleh Barat. Geldern (1956) membahaskan perbezaan utama antara konsep ala negara Barat dengan konsep negara Asia Tenggara zaman tradisional adalah, negara yang difahami masyarakat Asia Tenggara tidak wujud secara mutlak atau secara tersendiri tetapi wujud sebagai satu aspek tambahan melalui raja pemerintah.² Dalam pandangan Barat, raja merupakan lambang kedaulatan suatu negeri sahaja. Secara fizikal, negara di Asia Tenggara tidak mempunyai sempadan yang jelas kerana garis sempadan tetap yang tidak mudah diubah suai seperti sebuah negeri di Barat. Sebaliknya, aspek fizikal negara di rantau Asia Tenggara selalu berubah mengikut kuasa dan pengaruh raja pemerintahnya berdasarkan konsep Mandala (Geldern, 1956). Mandala bererti bulatan, atau bidang kuasa raja berdepan dengan kuasa raja-raja yang lain.

Menurut Wolters (2018), setiap Mandala mewakili suatu unit politik tertentu yang keadaan politiknya kerap kali kurang stabil dan luas kawasannya adalah samar-samar tanpa garis sempadan yang tetap (Wolters, 2018: 17). Oleh itu, dalam konteks wilayah dan kelautan tradisional, sebuah kawasan penguasaan atau pemusatan politik (Mandala) boleh meliputi satu kawasan lebih luas daripada daerah yang wujud. Sebagai contoh, kawasan di Jawa boleh meliputi sebuah wilayah yang benar-benar luas dengan beberapa rumpun bangsa atau keturunan yang hidup dalam beberapa buah negara-negara yang berlainan pada masa kini (Wolters, 2018: 17). Walau bagaimanapun, Mandala tidak meluas ke LCS.³ Kerajaan awal di LCS seperti Champa bukanlah kerajaan berpusat namun lebih kepada kerajaan yang mempunyai petempatan di pesisir pantai yang mengiktiraf penguasa utama. Champa menjadi kerajaan tunggal menguasai perdagangan maritim selepas laluan darat dari China ke Barat ditutup oleh penguasa China Selatan yang baru selepas kejatuhan Dinasti Jin iaitu, Liu Song. Walau bagaimanapun, dominasi kelautan Champa akhirnya diganggu

Amy Azuan Abdullah *et.al*,

oleh aktiviti pelanunan serta serangan Liu Song terhadap kerajaan Champa (Hayton, 2015: 16).

Oleh yang demikian, wilayah dan kelautan di LCS pada zaman tradisional lebih bergantung kepada raja atau kerajaan yang berada di bawah lingkungan kuasa dan pengaruh raja agung yang berdekatan dengannya (Pian, 1997: 36). Meskipun Mandala tidak meluas ke LCS, hubungan raja yang berkuasa memerintah Mandala yang luas dan kaya manakala raja yang kurang kuasanya berada di bawah lingkungan kuasa raja agung yang memerintah Mandala dan boleh mempengaruhi kestabilan sebuah wilayah dan kelautan kerajaan tradisional. Dengan erti kata lain, perlindungan ketenteraan atau peperangan boleh berlaku jika berlaku "kegagalan" dalam sistem mandala yang mempengaruhi hubungan antarabangsa tersebut. Lanjutan daripada itu, konsep Perajaan dan negara signifikan dalam menjelaskan konteks wilayah dan kelautan sebelum kedatangan kuasa Barat. Hal ini bermaksud, pensejarahan Asia telah mempunyai aspek persempadanan yang jelas sebelum kedatangan Barat lagi. Sebagai contoh, orang Melayu telah menggunakan istilah 'negeri' atau 'berbuat negeri' yang membawa makna satu ruang wilayah atau sempadan kekuasaan pemerintah Melayu. Dalam teks Sejarah Melayu misalnya, istilah negeri menjadi pegangan pengarangnya menggambarkan skop kekuasaan seseorang pemerintah. Sebagai contoh, petikan tersebut adalah sedemikian:

"Maka segala negeri yang bertemu dengan Raja Suran habis dialahkannya. Maka semuanya habis takluk baginda. Setelah berapa lamanya maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri. Gangga Nagara namanya." (Ahmat Adam, 2016: 17)

Teks-teks Melayu sering menggunakan istilah 'berbuat negeri' atau 'membuat negeri' tatkala pemerintah ingin membuka kawasan baru. Dalam teks Misa Melayu, kekerapan raja-raja Perak membuka ibu kota baru diistilahkan sebagai 'membuat negeri'. Manakala teks Tuhfat Al Nafis juga menggunakan istilah yang sama bagi merujuk tindakan Raja-Raja Johor. Maka, istilah negeri yang digunakan tetap membawa satu maksud ruang wilayah atau sempadan walaupun tanpa garis sempadan yang jelas. Dari konteks kelautan, laut dan sungai juga signifikan sebagai penentu wilayah. Ini tidak menghairankan kerana kemunculan penempatan awal Melayu bermula di pinggir sungai. Satu fakta yang tidak disedari ramai orang ialah hampir semua negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan mendapat nama melalui sungai. Ini kerana

sungai merupakan tempat tertubuhnya suatu kerajaan. Misalnya, persempadanan di antara Perak dan Selangor sejak tahun 1825 dengan persetujuan oleh kedua-dua pemerintah negeri Perak dan Selangor, iaitu Sultan Abdullah Muazam Shah (1825-1830) dan Sultan Ibrahim (1778-1826) yang bersetuju menentukan sempadan di antara kedua-dua negeri tersebut iaitu di Sungai Bernam (Abdullah Zakaria, 2004). Oleh yang demikian, konsep wilayah dan kelautan mengikut Tamadun Asia sebelum dan selepas tahun 1600 dipengaruhi oleh perspektif konsep Perajaan, Negara dan pemusatan politik. Perspektif ini berperanan sebagai penentu terhadap penguasaan sebuah kawasan bukan sahaja daratan tetapi merangkumi aspek kelautan. Meskipun sebuah wilayah dari segi geografi adalah tidak tetap dari segi persempadanan, konsep wilayah dan kelautan ini telah diketahui oleh pihak pemerintah dan masyarakat tradisional sebelum kedatangan Barat. Dalam konteks LCS, hubungan antara wilayah dan kelautan ini diperkukuhkan pula melalui hubungan antarabangsa yang dipelopori oleh China melalui sistem tributari. Semua ini penting bagi membentuk pemahaman mengenai konsep wilayah dan kelautan mengikut Tamadun Asia sebelum dan selepas tahun 1600.

Sistem Tributari China

Perspektif China terhadap konsep wilayah dan kelautan pada zaman tradisional dipengaruhi oleh dasar yang diperkenalkan dalam praktis hubungan serantau Tamadun China. Ini terbukti melalui sistem tributari yang diamalkan dan meluas di kawasan luar wilayah China khususnya pada bahagian selatan. Sistem tributari dan misi diplomatik merupakan sistem lama yang diamalkan oleh China sebelum Dinasti Ming sebagai dasar luarnya yang mempunyai peraturan. Sistem ini berpunca daripada budaya dan kefahaman bahawa China adalah satu-satunya masyarakat yang bertamadun, manakala semua negeri sekelilingnya di sebelah utara, barat dan selatan merupakan masyarakat gasar atau tidak bertamadun (Pian, 1997: 69-73).

'Superioriti' oleh China pada mulanya hanya menekankan aspek budaya berdasarkan ajaran Konfusius dan tidak melibatkan aspek politik. Atas kesedaran bahawa negeri-negeri sekelilingnya ingin menikmati "tamadun" tersebut, maka China bersetuju mengadakan hubungan dengan masyarakat gasar yang harus mengiktiraf kedudukan rendah mereka serta menerima kedudukan agung Maharaja China

dengan tanggapan bahawa, Maharaja China mempunyai mandat memerintah segala wilayah di dunia ini. Berkesinambungan daripada itu, berlaku pengiktirafan yang dilakukan berdasarkan sistem penghantaran misi dan uftian. Sebagai balasan, Maharaja China membenarkan negara tersebut menikmati keuntungan salah satunya melalui aktiviti perdagangan. Pada asasnya, sistem tributari China tidak melibatkan kuasa fizikal China dan dikekalkan sebagai sistem hubungan luar China sehingga pertengahan abad ke-19 apabila digantikan oleh sistem perjanjian British (Fairbank & Su, 1961; Veeraphol, 1977).

Boleh dikatakan bahawa sejak awal kurun Masihi, China mempunyai kefahaman tentang geografi dunia yang mementingkan kedudukannya sebagai pusat budaya dan kuasa sedunia.⁴ Penjelasan mengenai pandangan China sebagai pusat dunia (*Zhongguo*)⁵ dikukuhkan dengan tanggapan mereka mempunyai kebudayaan dan peradaban yang tinggi di alam semesta lantaran kedudukan pusat pemerintahan dengan lima ikatan (*wufu*) yang mengelilinginya.⁶ Semua ini mempengaruhi hubungan topografi China sekali gus memunculkan konsepsi bahawa China adalah dunia dan dunia adalah China. Menurut fahaman ini, kawasan darat merupakan satu kawasan tersendiri yang diasingkan dari kawasan laut yang juga merupakan satu perairan yang tersendiri. Tidak hairanlah sejak abad kelima dan keenam Masihi, China selalu melihat kawasan selatannya sebagai satu kawasan yang terdiri daripada satu laut yang luas mengiringi segala kawasan maritim Asia Tenggara. China menganggap bahawa mereka diasingkan dari kawasan selatan ataupun "Laut Selatan" yang luas. Oleh itu, agak mustahil sekiranya China ingin menguasai ataupun mengekalkan hubungan teratur dengan "Laut Selatan" tanpa angkatan tentera laut yang berkuasa. Wolters (1975) pernah membuat analisis bahawa dengan kesedaran terhadap masalah geopolitik yang timbul daripada kedudukan Asia Tenggara itulah yang memaksa kerajaan China dari Dinasti Tang (618-906) dan Dinasti Sung (960-1279) mengurniakan kedudukan istimewa kepada Maharaja Srivijaya sebagai ejen perdagangan China di kawasan itu dan melaluinya dari India dan Asia Barat (Wolters, 1975: 20).

Terdapat penjelasan dan huraian sejarah yang panjang mengenai sistem tributari China terhadap Asia Tenggara sama ada dari aspek pelaksanaan dan perubahan yang sering berlaku mengikut dinasti atau kewibawaan Maharaja China masing-masing (Gungwu, 1992; Dreyer, 1982; Fogel, 2009). Dalam konteks 'Laut Selatan', dasar hubungan agresif tributari telah dilaksanakan oleh China dengan

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

menghantar ekspedisi tentera laut ke rantau tersebut bagi mengawal keadaan di 'Laut Selatan' yang amat penting kepada ekonomi China. Konsep *te* yang dipraktikkan oleh Maharaja T'ai Tsu adalah untuk menunjukkan keperluan China mendapat penghormatan dan penghargaan yang sepatutnya dari negeri-negeri kecil di dalam lingkungan politik tradisionalnya.⁷ Berbeza dengan hubungan China dengan negeri-negeri di utara atau barat daya China yang selalu mengancam kedudukan China sebagai negeri teragung, Asia Tenggara merupakan rantau yang dapat memenuhi hasrat politik dan ekonomi China sepanjang zaman tradisional. Hubungan tradisional China-Asia Tenggara menguntungkan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, hubungan ini semakin terhakis sejak abad akhir pemerintahan Dinasti Ming kerana kelemahan politik dan tentera China serta disebabkan oleh kemunculan kuasa Barat menggunakan teknologi ketenteraan yang maju untuk menguasai perjalanan dan sumber-sumber perdagangan di Asia Tenggara (Pian, 1997: 108-109).

Peranan kuasa Barat seperti Portugis, Sepanyol dan Belanda pada abad ke-16 dan ke-17 mengakibatkan negeri-negeri maritim di Nusantara terkeluar daripada lingkungan politik China. Secara rasminya, hubungan tributari wujud sehingga abad ke-19 namun hubungan itu secara perlahan-lahan digantikan dengan sistem perjanjian yang diperkenalkan British. Sebagai contoh, Perjanjian Nanking yang ditandatangani pada tahun 1842 membuka beberapa pelabuhan China iaitu Amoy, Fuchow, Ningpo dan Shanghai kepada kapal-kapal kuasa Barat (Becker, 2021: 90). Ini memberi kesan terhadap negara Asia Tenggara dan melenyapkan keistimewaan sistem tributari. Antara perubahan tersebut adalah, negeri-negeri Asia Tenggara tidak lagi perlu menjalankan aktiviti perdagangan dengan China mengikut syarat-syarat lama seperti penggunaan kapal layar China dan kelasi China. Keadaan ini meningkatkan perdagangan melalui kapal-kapal Barat di pelabuhan terbuka. Sebagai tambahan, Perjanjian Bowring yang ditandatangani pada tahun 1855 antara Bangkok dan British juga telah mempercepatkan proses memutuskan hubungan tributari Siam dengan China. Menurut Pian (1997), tamatnya hubungan tributari China-Asia Tenggara disebabkan ketidakmampuan sistem tersebut memberi keuntungan terhadap sosiopolitik dan ekonomi rantau Asia Tenggara (Pian, 1997: 110).

Kedatangan kuasa Barat sememangnya memberi kesan terhadap praktis antarabangsa yang diamalkan oleh dinasti tradisional China.

Amy Azuan Abdullah *et. al*,

Dalam konteks LCS, sistem tributari China memberi pengiktirafan terhadap wilayah dan kelautan pemerintah empayar tradisional yang berada di bawah naungan Maharaja China. Walau bagaimanapun, kedatangan kuasa Barat telah mengurangkan atau memadamkan peranan kuasa tradisional China sebagai pemerintah utama bila mana wilayah atau negara pesisir LCS pada suatu ketika sangat bergantung kepada China. Dalam konteks era moden, tindak tanduk China ke atas LCS menimbulkan persoalan sama ada China ingin membangkitkan semula "sistem tributari" ini melalui perluasan wilayah dan kelautan di LCS. Hakikatnya, fakta sejarah telah membuktikan bahawa, tindakan China pada zaman tradisional lebih berperanan untuk mewujudkan hubungan saling menguntungkan khususnya melalui aspek perdagangannya dengan '*vassal states*' dan bukan bertujuan untuk menguasai atau menjajah wilayah dan kelautan di LCS.

Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Barat Sebelum dan Selepas Tahun 1600

Pertembungan konsep wilayah dan kelautan di antara pensejarahan Asia dan Barat telah menimbulkan kekeliruan tentang konsep ruang dan geografi khususnya mengenai dunia Asia. Meskipun Barat mengiktiraf konsep raja pemerintah yang signifikan mewakili sebuah wilayah, muncul pula persoalan mengenai aspek kedaulatan yang menghakis institusi Perajaan dan dimanifestasikan melalui penjajahan oleh kuasa Barat sekali gus memberi kesan terhadap aspek wilayah dan kelautan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa konsep yang dianuti oleh Barat telah menghasilkan persempadanan yang lebih jelas mengenai konsep wilayah dan kelautan dan dipraktikkan oleh seluruh dunia pada masa kini. Namun begitu, konsep wilayah dan kelautan oleh Barat masih menimbulkan kekeliruan khususnya selepas perundangan antarabangsa mengenai kelautan diperkenalkan.

Konsep Wilayah dan Kelautan Kuasa Barat

Secara umumnya, keberadaan kuasa Barat di Asia muncul dalam tempoh awal *adventure*, *exploration* dan *expansion* Barat ke dunia luar yang bertujuan untuk mendirikan koloni baru serta mencari sumber komoditi perdagangan yang menguntungkan bagi negara asalnya. Paradigma dari sebuah kuasa tradisional selepas kedatangan kuasa Barat telah memberi kesan terhadap "*worldview*" mengenai aspek

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikuti Pensejaraan
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

konsep kedaulatan wilayah. Pian (1997) menegaskan bahawa perkembangan teknologi dan perindustrian Barat mempunyai kesan yang amat merugikan masyarakat tradisional Asia Tenggara. Ia adalah punca asas kemusnahan kedaulatan dan cara hidup tradisional yang bernilai kepada Asia Tenggara. Penubuhan empayar Barat di rantau Asia Tenggara bermaksud tamatnya hubungan serantau yang mampu membentuk suasana sosiopolitik terbuka, dinamis dan berdaya pegas (Pian, 1997: 237).

Konsep wilayah menurut Barat adalah sebahagian daripada ruang geografi yang berkaitan dengan bidang kuasa sebuah kerajaan. Secara langsung, wilayah dilihat sebagai pautan ideal antara ruang dan politik (Gottmann, 1975: 29-47). Konsep ini telah wujud seawal abad ke-14 dan berevolusi seiring dengan perkembangan empayar dan penguasaan politik kuasa Barat. Menurut Huber (1928), praktik ke atas kedaulatan sebuah wilayah tidak mampu dicapai tanpa manifestasi konkrit yang dipengaruhi oleh konsep ruang geografi (Huber, 1928). Oleh itu, sebuah kawasan yang dianggap sebagai wilayah bagi kuasa Barat perlu dikukuhkan melalui asas kedaulatan yang membolehkan Barat mengawal, mendominasi serta memanipulasi segala bentuk sumber ekonomi dalam lingkungan wilayahnya bagi memenuhi keperluan sendiri. Gottmann (1975) merumuskan konsep wilayah sedemikian:

“Territory increasingly meant a safe haven to people who wanted to develop their own way of life and the resources within their borders for their own purposes. The national State therefore considered its territory as the fundamental support of security and well-being. Such a doctrine and frame of mind were bound to give particular importance to the geographical features of the territory and of its frontiers. To other nations the frontier was a peripheral area that generated social and economic change, shaping a nation and contributing to its political wellbeing”
(Gottmann, 1975: 35).

Seterusnya, perkembangan di Eropah pada abad ke-17 mengukuhkan konsep wilayah apabila terbentuknya konsep *nation-state* dan menjadi permulaan kepada suatu sistem hubungan antarabangsa yang disebut sebagai *Westphalian System*. Konsep ini diperkenalkan selepas termeterainya Perjanjian Westphalia pada tahun 1648 yang

mengakhiri perang selama 30 tahun dan mempelopori prinsip penghormatan atas kedaulatan suatu negara serta hak menentukan nasib sendiri (*Right to Self Determination*). Setelah munculnya Perjanjian Westphalia, susunan masyarakat antarabangsa yang baharu didasari oleh negara nasional (berdaulat) dan tidak lagi berdasarkan pada kerajaan, empayar serta memisahkan kekuasaan negara dan pemerintahan dari pengaruh gereja. Secara langsung, Perjanjian Westphalia telah menetapkan garis sempadan bagi suatu kawasan atau wilayah bagi membentuk sebuah negara. Secara asasnya, prinsip yang dipersetujui selepas Perjanjian Westphalia bukan sahaja melibatkan konsep kedaulatan ke atas pemerintah tetapi juga kawasan kekuasaan yang dihadkan oleh persempadanan dengan kawasan negara yang berjiran dengannya. Walau bagaimanapun, kedudukan persempadanan sebuah negara masih berubah mengikut perkembangan politik dan peperangan yang berlaku selepas perjanjian ini. Ini membuktikan bahawa, konsep yang diperkenalkan oleh Barat ini juga masih longgar di peringkat awal kendatipun berjaya merealisasikan konsep negara yang dikaitkan dengan ciri moden iaitu sempadan dan bukan lagi lingkungan pengaruh seperti yang diterapkan sebelum abad ke-17 (Sureda, 1973: 28; Horsman & Marshall, 1994; Ahmad Abdi Amsir, 2021).

Jelaslah bahawa, kedatangan kuasa Barat telah memunculkan suatu konsep baharu mengenai "kedaulatan" dan konsep negara yang bercirikan Barat. Dalam erti kata mudah, selepas kedatangan Barat, kedaulatan tidak lagi hanya merujuk kepada raja pemerintah yang mempunyai wilayah atau mandala yang luas namun diatur berdasarkan sistem perjanjian yang menetapkan wilayah sama ada secara mutlak atau berubah-ubah. Dalam konteks hubungan antarabangsa tradisional, peranan perdagangan atau diplomatik sering kali berdasarkan asas negeri dipertuannya (*Suzerain*) dan negeri naungan. Namun, menurut syarat-syarat baru penjajah Barat, negeri-negeri yang berada di bawah "perlindungannya" tidak lagi berhak berhubung dengan mana-mana kuasa secara langsung seperti yang diamalkan pada zaman tradisional, tetapi terpaksa menjalankan urusan luarnya melalui ejen-ejen penjajah yang berkenaan, yakni dengan kebenaran atau persetujuan kerajaan penjajah. Walaupun terdapat aspek atau etika diplomatik dikekalkan semasa zaman tradisional, kebebasan sosiopolitik dan ekonomi tidak lagi berlaku selepas kedatangan kuasa Barat. Oleh yang demikian, menjelang abad ke-18, wujud hubungan kerajaan antara penjajah seperti kerajaan Tanah Melayu-British dengan Indonesia-Belanda atau hubungan kerajaan penjajah di Indochina, Myanmar dan Tanah Melayu

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejajaran
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

dengan Bangkok. Berdasarkan sistem perjanjian Barat, pengukuhan kuasa Barat di Asia Tenggara dimanifestasikan lagi dengan sistem residen yang diperkenalkan.

Gambaran mengenai konsep kuasa kewilayahan dan pembahagian negara ala Barat dapat dijelaskan sedemikian. Belanda misalnya melalui *Vereenigde Oostindische Compagnie* (VOC) memainkan peranan penting sebagai kuasa kewilayahan yang pertama di Asia Tenggara. Meskipun hanya mampu menguasai Kepulauan Indonesia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, penglibatannya sebagai kuasa perdagangan dari abad ke-16 begitu signifikan dalam memecahkan hubungan tradisional Asia Tenggara sekali gus memunculkan konsep-konsep baru mengenai kedaulatan wilayah. Dari sebuah kuasa perdagangan, VOC memainkan peranan sebagai kuasa ketenteraan yang telah menyingkirkan Portugis dari Melaka pada tahun 1641 dan menguasai perairan Selat tersebut. Walau bagaimanapun, beban kewangan akhirnya mengakibatkan VOC mufliis kerana terpaksa menanggung perbelanjaan besar bagi menentukan kuasa dan kedudukan. Misalnya, VOC terpaksa memberi sokongan ketenteraan kepada kerajaan Bugis di Bone menentang kuasa Kesultanan Makasar di Goa, Sulawesi Selatan dari tahun 1660-an dan 1670-an (Pian, 1997: 196-199).

Oleh itu, bagi menerangkan pandangan Barat mengenai konsep kuasa wilayah melalui perdagangan dan ketenteraan, beberapa konsep aspek kelautan tidak boleh diremehkan. Ini kerana, melalui peruntukan perundangan atau perjanjian yang termeterai antara kuasa Barat, maka berlakulah rentetan terhadap dominasi penguasaan yang akhirnya memberi kesan terhadap pembahagian wilayah di Asia Tenggara. Dalam hal ini, salah satunya berdasarkan Piagam Kedua Paus Alexander VI tahun 1493. Menurut Piagam ini, segala laut dan samudera di sebelah barat meridian (garis bujur) yang letaknya kurang lebih 400 batu dari kepulauan Azores dinyatakan sebagai milik Sepanyol, manakala sebelah Timur meridian dinyatakan sebagai milik Portugis (Verzijl, Heere & Offerhaus, 1979). Kemudiannya, Barat memperkenalkan konsep atau teori *Mare Liberum* atau *Freedom of the seas*. *Mare Liberum* atau *The Freedom of the Seas* adalah sebuah buku dalam bahasa Latin mengenai undang-undang antarabangsa yang ditulis oleh ahli perundangan dan falsafah Belanda, Hugo Grotius pada tahun 1609. Di Laut Bebas (terbuka), Grotius merumuskan prinsip baru bahawa laut adalah wilayah antarabangsa dan semua negara bebas menggunakannya untuk

perdagangan pelayaran. Pertikaian itu ditujukan kepada dasar klausa laut Portugis dan tuntutan mereka untuk memonopoli perdagangan Hindia Timur.⁸ Sepanyol kemudian menuntut Lautan Pasifik dan keseluruhan Mexico manakala Portugal mendakwa dengan cara yang sama, menuntut Atlantik Selatan Maghribi dan Lautan Hindi. Kedua-dua negara pada masa tersebut berusaha untuk menjalankan hak-hak mereka dan menghalang semua orang asing dari belayar atau memasuki perairan tersebut. Belanda, ketika berperang dengan Sepanyol, walaupun secara teknikal tidak berperang dengan Portugis menduduki pulau Mauritius pada tahun 1598. Tidak lama kemudian mereka membuat penempatan di Jawa dan Maluku. Selepas Syarikat Hindia Timur Belanda dibentuk pada tahun 1602, mereka berusaha untuk berdagang dengan Hindia Timur dan bersaing dengan kapal Portugis yang berusaha menyingkirkan mereka dari perairan India. Sepanyol dan Belanda memulakan rundingan pada 9 April 1609, mengakibatkan gencatan senjata *Antwerp* selama 12 tahun. Dalam rundingan tersebut, Sepanyol berusaha untuk mendapatkan hak dari Belanda untuk melepaskan hak perdagangan mereka dari Provinsi Bersatu di Hindia Timur dan Barat (Verzijl, Heere & Offerhaus, 1979: 82-83).

Inggeris bersaing sengit dengan Belanda untuk menguasai perdagangan dunia, menentang idea Grotius dan menuntut kedaulatan di perairan sekitar Kepulauan British. Dalam *Mare Clausum*, Selden (1635) yang memperkenalkan istilah tersebut berusaha untuk membuktikan bahawa laut dalam praktiknya hampir dapat digunakan sebagai wilayah daratan (Meurer, 1919). Ketika kontroversi dan pertikaian berlaku mengenai lautan dan daratan, negara maritim meredakan tuntutan mereka dan mendasarkan tuntutan maritim mereka pada prinsip bahawa mereka memperluas laut dari darat. Keadaan ini diselesaikan selepas mengambil formula yang diperkenalkan oleh hakim Belanda yang meneruskan idea Grotius, Cornelius Bynkershoek dalam karyanya *De Dominio maris* (1702) yang menghadkan penguasaan maritim berdasarkan jarak terhad tembakan meriam (*cannon shot rule*). Perkara ini diterima pakai secara universal dan berkembang menjadi had tiga batu (Meurer, 1919).

Kedua-dua konsep, teori atau fahaman (*Mare Liberum vs Mare Clausum*) mengenai undang-undang laut yang diperkenalkan oleh Barat ini memberi kesan terhadap sejarah perundangan laut antarabangsa. Bermula dengan undang-undang di peringkat negara masing-masing, sejarah menunjukkan undang-undang laut tidak pernah menemui jalan

penyelesaian. *Mare Liberum* memperkatakan secara prinsipnya suatu yang tidak boleh dirampas dan jauh tidak boleh dijadikan hak milik, dan ia milik semua orang dan kegunaannya adalah untuk keseluruhan manusia. Manakala *Mare Clausum* pula percaya laut serta khazanahnya boleh dimiliki dan dikuasai. Pada abad ke-18, pandangan dan teori Grotius mendominasi berbanding pandangan dan teori Selden di mana negara pesisir pantai dibenarkan untuk menuntut sebahagian kecil hujung pesisir pantainya bagi tujuan perikanan dan secara tidak langsung hak yang bebas tidak dimiliki sesiapa (Koh, 1982).

Bagi kedudukan yang melebihi dari hak negara pesisir pantai ketika itu, laut dan sumbernya dikenali dengan prinsip *res communis*⁹ dan ia tertakluk kepada laut yang bebas dari milikan sesiapa. Terdapat tiga teori yang berbeza dalam menentukan jarak jauh hak milik keabsahan sebuah negara terhadap perairan wilayah pada zaman dahulu. Pertama, doktrin yang berpandukan pada jarak penglihatan mata di mana sejauh mana negara pesisir pantai boleh menuntut kelebaran laut dari pesisirnya bergantung kepada sejauh mana pandangan mata manusia boleh melihatnya. Kaedah kedua, undang-undang tembakan meriam yang membenarkan jarak negara pesisir pantai melebarkan tuntutan pantainya bergantung kepada tembakan meriam yang menghala ke pantai. Kaedah ketiga berdasarkan Liga Marin, yang berasal dari negara-negara Scandinavia dengan amalan menuntut kelebaran pesisir pantai sebanyak tiga batu nautika merupakan limitasi yang dibenarkan bagi perairan wilayah. Menjelang abad ke-17, kedua-kedua teori kelautan digabungkan oleh Pontanus yang membahagikan laut kepada dua bahagian iaitu, Laut Territorial dan Laut Lepas.¹⁰ Teori inilah yang kemudian menjadi asas yang dipraktikkan oleh negara lain dan merupakan pemula lahirnya undang-undang laut antarabangsa dalam era tersebut. Pada akhir abad ke-19, tiga batu nautika bagi perairan wilayah telah hampir di terima di kebanyakan negara di dunia. Kejatuhan orde lama undang-undang laut dipercayai bermula pada tahun 1930 apabila prinsip yang beratus tahun lamanya diterima pakai mula diabaikan oleh negara baru (Koh, 1987: 716).

Antara punca-punca tersebut adalah, bermula dengan beberapa peristiwa kegagalan persidangan berhubung perairan wilayah,¹¹ tindakan British tidak mempertahankan prinsip tiga batu nautika dan kemunculan Proklamasi Truman.¹² Bertitik tolak daripada permasalahan ini, maka wujudlah istilah undang-undang laut antarabangsa yang

dikukuhkan atau diperkenalkan oleh Barat.¹³ Sebelumnya, pentafsiran mengenai sejarah undang-undang laut antarabangsa boleh dikatakan bermula seawal keagungan Empayar Rom dan abad pertengahan.¹⁴ Dalam konteks sejarah, nyata, sudah berlaku pelbagai konflik kelautan antara negara Barat dan memunculkan istilah-istilah pelbagai mengenai kelautan.¹⁵ Evolusi mengenai sejarah undang-undang laut antarabangsa kemudiannya dikukuhkan pada tahun 1958 apabila PBB mengadakan persidangan pertama berhubung Undang-Undang Laut Antarabangsa.¹⁶ Persidangan ini berjaya merumuskan dan menerima pakai empat keputusan antaranya, Konvensyen Perairan Wilayah dan Zon Berdampingan, Konvensyen Perikanan dan Sumber Hidupan di Laut Dalam, Konvensyen Laut Lepas, dan Konvensyen Pelantar Benua (Oda, 2002: 1). Walau bagaimanapun, konvensyen tersebut gagal memuktamadkan hak untuk menentukan perairan wilayah. Pada tahun 1960, Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa Kedua PBB juga gagal menerima jarak perairan wilayah. Beberapa keputusan baru dan lengkap hanya berjaya dicapai berbanding cabang undang-undang antarabangsa yang lain selepas rundingan pada siri UNCLOS ketiga pada tahun 1974-1982. Berdasarkan konvensyen undang-undang laut antarabangsa yang 'baru' ditandatangani itu, setiap negara pesisir pantai berhak untuk melaksanakan zon maritim mengikut bidang kuasa masing-masing.

Justeru itu, zon maritim di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa telah dibahagikan kepada beberapa bahagian. Antaranya adalah mengenai bahagian Laut Wilayah (*territorial sea*), Zon Berdampingan (*contiguous zone*), Zon Ekonomi Eksklusif (*economics exclusive zone*), Laut Lepas (*high seas*), Pelantar Benua dan kawasan dasar laut dalam (*deep seabed area*) (Keyuan, 2005: 37; Haniff A, 2009: 114). Berdasarkan Artikel 3, setiap negara mempunyai hak untuk membentuk kelebaran Laut Wilayah sehingga tidak melebihi 12 batu nautika. Kelebaran Laut Wilayah ini perlu dikira berasaskan garis pangkal di mana air surut sepanjang pesisiran pantai seperti mana yang telah ditandakan di dalam peta atau carta yang diiktiraf negara. Zon Berdampingan terbentuk tidak melebihi 24 batu nautika dari garis pangkal selepas kelebaran Laut Wilayah dikira. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pula merupakan kawasan yang melebihi dan berdekatan dengan Laut Wilayah dan jaraknya tidak melebihi 200 batu nautika bermula dari garis pangkal di mana kelebaran Laut Wilayah dikira. Akhir sekali, peruntukan berhubung Laut Lepas meliputi semua sekali yang tidak terkandung di dalam Zon Ekonomi Eksklusif, Laut Wilayah atau Laut

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

Dalam atau perairan kepulauan di dalam negara kepulauan (UNCLOS, 1982).

Dalam konteks konsep negara yang dibentuk Barat, nyata sistem perjanjian di antara kuasa Barat dan elit tempatan mempengaruhi aspek pembahagian wilayah. Tamsilnya, Perjanjian Tordesillas, Perjanjian Zaragoza dan Perjanjian Westphalia telah memberi kesan terhadap konsep kewilayahan dan negara pada masa kini. Maka, tidak hairanlah apabila ada negara yang menggunakan asas sejarah zaman tradisional dan wujud juga tuntutan terhadap sebuah kawasan menggunakan asas sejarah kolonial Barat. Dalam masa yang sama, konsep Barat yang diperkenalkan semestinya memberikan implikasi kedaulatan terhadap rantau Asia Tenggara. Kebanyakan proses penandaan sempadan di antara rantau yang ditentukan oleh kuasa Barat selepas tamatnya PDII pada tahun 1945 mengakibatkan pertindihan sempadan kurang jelas dan mencetuskan pertikaian wilayah sama ada darat atau lautan (perairan). Kedaulatan merupakan aspek penting dalam soal pertikaian wilayah. Setiap negara berdaulat mempunyai ciri-ciri tertentu, termasuk sempadannya sendiri. Pertikaian wilayah menunjukkan bahawa kedaulatan tidak semestinya bersifat tetap kerana undang-undang antarabangsa mengambil kira pelbagai faktor semasa proses menentukan kedaulatan sebuah wilayah. Dalam hal ini, Sumner (2004) berpendapat bahawa kebanyakan kes pertikaian wilayah yang dibicarakan oleh ICJ berdasarkan beberapa elemen seperti perjanjian, geografi ekonomi, kebudayaan, kawalan efektif, sejarah, prinsip *uti possidetis* (sempadan sebuah negara tidak berubah, melainkan ia diperuntukkan sebaliknya oleh perjanjian), elitisme dan ideologi (Sumner, 2004: 1778-1812).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia sebelum dan selepas tahun 1600 dipelopori oleh elemen Perajaan dan Negara. Elemen Perajaan mempengaruhi kewujudan sebuah wilayah melalui keabsahan seorang Raja yang memimpin sebuah kerajaan. Dalam masa yang sama, kewibawaan seorang Raja yang mempunyai kebijakan dan pendirian yang teguh menentukan hubungan dua buah pusat kuasa yang terlibat dalam suatu pemerintahan. Sebuah wilayah dan kelautan zaman tradisional tidak mempunyai persempadanan yang tetap waima segi keluasan boleh

menjangkau hingga beberapa kawasan yang luas. Kebiasaannya, penentuan sebuah wilayah ini akan berubah dan dipengaruhi oleh konsep Mandala. Selain itu, konsep wilayah dan kelautan tradisional ini juga dipengaruhi oleh faktor China melalui penerapan beberapa sistem dalam hubungan antarabangsa yang bersifat hierarki dan berlandaskan kepada tatasusila Orde Dunia China kuno. Sistem tributari China yang diamalkan dan meluas di kawasan luar wilayah China merupakan sistem tradisional yang diamalkan sebelum Dinasti Ming bertujuan untuk menyebarkan tamadun ke semua negeri sekelilingnya di sebelah utara, barat dan selatan yang dianggap sebagai masyarakat gasar. Walau bagaimanapun, kedatangan kuasa Barat telah menjejaskan dominasi China menggantikan sistem tradisional China dengan sistem perjanjian kuasa Barat seperti yang diamalkan oleh British.

Kuasa Barat telah memperkenalkan konsep moden yang telah mengubah kefahaman tentang aspek negara, kedaulatan, wilayah maritim dan konsep-konsep lain yang berbeza dengan konsep tradisional yang diketahui. Dalam hal ehwal kedaulatan maritim, pelbagai undang-undang kelautan antarabangsa yang diperkenalkan telah mendorong kepada pelbagai isu dan pertikaian sama ada dalam era kolonial hingga moden. Tidak keterlaluan mengatakan bahawa, kepelbagaian fahaman, teori dan konsep kelautan telah mengakibatkan percanggahan atau kekeliruan yang merintis kepada isu tuntutan bertindih khususnya bagi wilayah kelautan. Barat juga antara yang pertama telah melanggar kodifikasi undang-undang kelautan yang dibentuk dan sebenarnya mempunyai perkaitan sehingga kini melibatkan wilayah bekas jajahan kolonial. Walaupun terdapat usaha dan tindakan oleh Barat ke arah penyelesaian isu kedaulatan maritim, perkara ini tidak mudah diselesaikan akibat daripada pelbagai faktor. Sebagai contoh, klausa perundangan antarabangsa yang diperuntukkan selalunya bercanggah dengan fahaman ataupun pengetahuan sebuah negara yang dipengaruhi oleh unsur-unsur sejarah dan sentimen kenegaraan masing-masing.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Abdullah Zakaria. (2004). Sempadan Negeri Melayu Sebelum Campur Tangan British. *Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikuti Pensejaraan
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

- Ahmad Abdi Amsir. (2021). Perjanjian Westphalia dan Momentum Pendirian Negara Modern. *Sulesana*. Vol. 15 (1). Makassar: Fakultas Ushuludin & Filsafat UIN Alauddin Makasar.
- Ahmat Adam. (2016). *Sulalat u's-Salatin: Yakni Pertuturan Segala Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Amy Azuan Abdullah. (2023). Keberadaan dan Penglibatan Kuasa-Kuasa Barat di Laut China Selatan, 1600-1975. *Tesis Kedoktoran*. Kota Kinabalu: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UMS.
- Baslar, K. (1997). *The Concept of the Common Heritage of Mankind in International Law*. Leiden: Martinus Nijhoff Publishers.
- Becker, B. (2021). *France and Germany in the South China Sea, c. 1840-1930: Maritime Competition and Imperial Power*. Switzerland: Springer Nature Switzerland AG.
- Borschberg, P. (2011). *Hugo Grotius, the Portuguese and Free Trade in the East Indies*. Singapore and Leiden: Singapore University Press and KITLV Press.
- Brown, C.C. (1976). *Sejarah Melayu of Malay Annals*, (Terj.). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chairul, A. (1998). *Horizon Baru Hukum Laut Internasional*. Jakarta: Djambatan.
- Christie, J.W. (1985). "Theatre States and Oriental Despotisms: Early Southeast Asia in the Eyes of the West". *Occasional Paper No. 10*. Yorkshire: University of Hull.
- Dar, K.B. (2012). Satu Kajian Mengenai Konsep Wufu dan Zhongguo dalam Hubungan Luar China. *Jurnal Perspektif*. Vol. 4. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Dreyer, E.L. (1982). *Early Ming China: a political history, 1355-1435*. California: Stanford University Press.
- Fairbank, J.K. & Su, Y.T. (1961). *Ching Administration: Three Studies*. Cambridge: Harvard University Press.
- Fogel, J.A. (2009). *Articulating the Sinosphere*. Vol. 11. Cambridge: Harvard University Press.
- Geldern, R.H. (1956). *Conception of State and Kingship in Southeast Asia*. New York: Cornell University Press.
- Gottmann, J. (1975). The Evolution of the Concept of Territory. *Social Science Information*. Doi: 10.1177/053901847501400302.
- Gungwu, W. (1992). "China and South-East Asia 1402-1424". Dalam, Chen, J. & Tarling, N. (Peny.). *Studies in the Social History of*

Amy Azuan Abdullah *et.al*,

- China and South-East Asia: Essays in Memory of Victor Purcell*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gungwu, W. (1968). "Early Ming Relations with Southeast Asia: A Background Essay". Dalam, Fairbank, J.K. (Peny.). *The Chinese World Order*. Cambridge: Harvard University Press.
- Haniff, A. (2009). Satu Tinjauan Awal: Kemungkinan Perluasan Zon Maritim Singapura Kesan Kes Pulau Batu Puteh. Dalam, *Jurnal Pemikir*. Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan Malaysia.
- Hayton, B. (2015). *The South China Sea, The Struggle for Power in Asia*. United States: Yale University Press.
- Horsman, M. & Marshall, A. (1994). *After the Nation: Citizens, Tribalism and The New World Disorder*. London: Harpercollins Publisher.
- Keyuan, Z. (2005). "Implementing United Nations Convention on Law of the Sea in East Asia: Issues and Trends". Dalam, *Singapore Year Book of International Law*. Singapore: NUS.
- Koh, T.T.B. (1987). Negotiating A New World Order for the Sea. Dalam, Snyder, F.E. & Sathirathai, S. *Third World Attitudes Toward International Law an Introduction*. Leiden: Martinus Nijhoff Publishers.
- Koh, T.T.B. (1982). "A Constitution for the Ocean". Dalam, *Third United Nations Conference on the Law of the Sea*. Montego Bay: Jamaica. 6-11 Desember.
- Kueh, Y.Y. (2012). *Pax Sinica: Geopolitics and Economics of China's Ascendance*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Meurer, C. (1919). *The Program of the Freedom of the Sea: A Political Study in International Law*, (Terj.). Washington: Government Printing Office.
- Oda, S. (2002). "Some Reflections on Recent Developments in the Law of the Sea". Dalam, *The Yale Journal of International Law*. New Haven: Yale University Press.
- Pian, K.S. (1997). *Asia Tenggara: Hubungan Tradisional Serantau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sumner, B.T. (2004). Territorial Disputes at the International Court of Justice. Dalam, *Duke Law Journal*. United States: Duke University School of Law.
- Sureda, A.R. (1973). *The Evolution of the Right to Self Determination Right*. Leiden: Sijthoff.
- Veeraphol, S. (1977). *Tribute and Profit: Sino-Sinamese Trade 1652-1853*. Cambridge: Harvard University Press.

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejajaran
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

- Verzijl, J.H.W., Heere, W.P. & Offerhaus, J.P.S. (1979). *International Law in Historical Perspective*. Leiden: A.W. Sijthoff.
- Wolters, O.W. (2018). *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspectives*. New York: Cornell University Press.
- Wolters, O.W. (1975). *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Laman Sesawang

Huber, M. (1928). Report of International Arbitral Awards: Arbitration Decision in the 'Island of Palmas Case'. 4 April 1928.
https://legal.un.org/riaa/cases/vol_II/829-871.pdf.

UNCLOS. (1982). <https://www.un.org>.

¹ Konsep *Pax Sinica* ini bermaksud "keamanan China" yang merujuk kepada istilah historiografi dalam tempoh kedamaian Asia Timur yang diketuai oleh China. Pelbagai tempoh *Pax Sinica* dianggarkan berjumlah dua ribu tahun bermula dari Dinasti Han, Dinasti Tang, Dinasti Yuan, Dinasti Ming dan Dinasti Qing. Konsep ini penting dalam menjelaskan tentang peranan China khususnya dalam zaman tradisional mencapai kestabilan masyarakat dan kestabilan ekonomi sama ada melibatkan wilayah daratan atau maritimnya berdasarkan pelbagai dasar. Sebagai contoh, dalam dinasti Tang, ia merupakan suatu tempoh zaman kegemilangan dalam sejarah China dalam *Pax Sinica* apabila "Jalan Sutera" dibentuk bagi memudahkan pertukaran ekonomi dan budaya antara China dan dunia luar. Konsep ini sebenarnya merupakan suatu istilah kebiasaan yang digunakan oleh kuasa-kuasa dunia. Misalnya, terdapat juga konsep *Pax Romana*, *Pax Americana*, *Pax Britannica*, *Pax Hispanica*, *Pax Ottomana* dan *Pax Sovietica*. Semua merujuk kepada sebuah empayar atau negara yang digunakan untuk merujuk suatu tempoh kedamaian atau sekurang-kurangnya kestabilan yang dikuatkuasakan oleh hegemoni. Sebagai contoh, *Pax Britannica* adalah tempoh perdamaian kuasa besar semasa empayar British menjadi kuasa hegemoni dan mengambil peranan sebagai "anggota polis global" antara tahun 1815 dan 1914. Melaluinya, *Royal Navy* British mengawal sebahagian besar laluan perdagangan maritim dan memiliki kekuatan laut yang tidak dicabar (Kueh, 2012).

² Secara ringkasnya, terdapat dua sekolah atau aliran asas yang memberikan tafsiran tentang perkembangan politik di rantau Asia Tenggara iaitu sekolah sosiologi dan sekolah "pemerintahan kuku besi ketimuran". Aliran sosiologi sangat dipengaruhi pemikiran Weber dan Heine-Geldern. Kedua-dua sarjana sosioantropologi termasuk sarjana lain dalam aliran tersebut membuat tafsiran mereka berdasarkan konsep negara yakni menekankan kefahaman yang unit politik tradisional Asia Tenggara itu tidak mempunyai sempadan yang tetap. Jatuh bangun sebuah negara adalah berkait dengan raja pemerintah atau pusat kuasa negaranya. Kekuatan sebuah negara adalah dalam keadaan yang bergerak yakni bergantung pada kebolehan kuasa moral dan kuasa militer dan karisma seorang raja pemerintahnya, ini penting bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran negara. Oleh itu, pentadbiran sebuah negara merupakan

-
- sebuah amalan dalam kepercayaan dak kuasa tarikan dan bukan paksaan (Christie, 1960; Geldern, 1956).
- ³ Mandala hanya meluas dalam kalangan kuasa besar di rantau Asia Tenggara. Sebagai contoh, Raja Ayudhya pada awal abad ke-17 mengumumkan Mandala Ayudhya meliputi semua negeri atau kerajaan di sebelah timur Ayudhya iaitu Laos dan Kemboja. Melaka pada abad ke-15 juga mengklasifikasikan negeri-negeri berhampiran dengannya mengikut Mandala semasanya dengan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan negeri-negeri pantai timur Sumatera seperti Indragiri dan Siak sebagai wilayah dalam mandalanya (Pian, 1997: 33).
- ⁴ Sejak azali lagi, terpahat sudah di sanubari masyarakat China bahawa China itu adalah "semua di bawah langit" atau lebih dikenali sebagai *tianxia* yang mengasiasasi China itu adalah dunia dan dunia itu adalah China. Pandangan *tianxia* tercatat dalam buku klasik *Yu Gong (Tribute Yu)*, iaitu penulisan tradisional yang dikaitkan dengan *Da Yu* (2205 SM - 2105 SM), dewa legenda tersohor masyarakat China kerana kejayaannya mengawal masalah banjir di Sungai *Huanghe*. Keterangan lanjut mengenai pandangan dunia China zaman tradisional (Dar, 2012: 28-43).
- ⁵ China yang disebut sebagai *Zhongguo* sekiranya diterjemah secara harfiah dalam bahasa Cina bermaksud Negeri Tengah. Namun dalam Kitab klasik *San Zing (Three Character Classic)* menyebutnya bahawa "*wozhonghua, zaidongber* yang bermaksud China sebenarnya terletak di bahagian timur laut peta dunia (Dar, 2012: 28-43).
- ⁶ China percaya bahawa *wufu* merupakan kayu pengukur terhadap tahap ketamadunan bangsa China berbanding dengan masyarakat yang dianggap gasar di luar daripada lingkungan China. Justeru, Maharaja China dianggap sebagai *tianzi* (anak syurga), dan masyarakat di luar lingkungannya didakwa sebagai bangsa gasar yang perlu dimurni ketamadunan dan peradaban mereka oleh *Zhongguo*. Konsep yang dikenali sebagai *wufu* (lima ikatan) ini menggariskan bahawa terdapat lima ikatan mengelilingi antara satu sama lain. Lima ikatan kekuasaan tersebut meliputi kawasan Maharaja (*dianfu*) meliputi daerah yang luasnya 500 *li* (75 km) daripada tempat maharaja bersemayam (*wangji*). Kemudian ikatan tersebut dikembangkan meliputi kawasan bangsawan (*houfu*). Seterusnya diikuti dengan kawasan kekuasaan untuk menguatkuasakan keamanan (*suifu*), kawasan kekuasaan penyekatan (*yaofu*) dan yang terakhirnya ialah kawasan kekuasaan gasar (*huangfu*) dengan jaraknya 2,500 *li* daripada *wangji*. Pada tanggapan China berdasarkan kepada *Zhouli (Rites of the Zhou)*, *Qiu Quan (Ministry of Justice)* dalam *Daxing Ren (Senior Messenger)* bahawa, *Huangfu* didiami oleh suku kaum yang belum mempunyai kebudayaan dan ketamadunan. Konsep *Wufu* diasaskan sejak era Dinasti Shang (1766 SM-1722 SM) dan lebih ketara lagi semasa era Dinasti Zhou Barat (1027 SM-771 SM) apabila bermulanya pengurniaan wilayah-wilayah kepada ketua-ketua feodal yang telah berjasa sehingga terbentuknya kerajaan-kerajaan kecil di sekeliling China (Dar, 2012: 28-43).
- ⁷ Secara ringkas, konsep *te* merupakan sumber segala kesucian kuasa politik yang ada pada seorang pemimpin dan membolehkan pemimpin itu menubuhkan sebuah dinasti dan memaparkan kewibawaannya. Dengan sistem pentadbiran yang baik dan bermoral, seorang raja dapat meningkatkan *te* supaya bukan sahaja rakyat China yang akan menikmati manfaat *te* itu tetapi semua masyarakat gasar, tidak kira terletak dekat atau jauh dari China, akan juga menerima dan mengakui kebesaran raja dan kerajaan China (Waley, 1938; Gungwu, 1968).

*Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejajaran
Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600*

- ⁸ Grotius menulis risalah itu semasa menjadi penasihat kepada Syarikat Hindia Belanda selepas penyitaan masalah kapal dagang Portugis, *Santa Catarina* (Borschberg, 2011).
- ⁹ *Res communis* adalah istilah Latin yang berasal dari undang-undang Rom yang mendahului konsep masyarakat umum dan warisan bersama manusia hari ini. Ini mempunyai kaitan dengan undang-undang antarabangsa dan undang-undang umum. Pada abad keenam Masihi, Institut Justinian mengkodifikasikan undang-undang Rom yang relevan sebagai: "Dengan hukum alam, hal-hal ini biasa bagi manusia- udara, air mengalir, laut, dan pantai laut." Contoh biologi *res komunis* termasuk ikan dan mamalia di laut lepas. Peraturan untuk penggunaan benua Antartika didasarkan pada *res communis* seperti juga pengembangan undang-undang ruang angkasa. Istilah ini dapat dibandingkan dengan *res nullius*, konsep harta tanpa pemilik, yang dihubungkan misalnya dengan *terra nullius*, konsep wilayah tanpa hak di mana permukiman Inggeris di Australia didasarkan, walaupun merupakan rumah bagi penduduk asli (Baslar, 1997; Slomanson, 2010).
- ¹⁰ Dalam penjelasan teori Kelompok Glossator yang dicetuskan oleh Bartholus selepas kejatuhan Empayar Rom, laut dibahagikan kepada laut yang dekat dengan pantai dan laut lepas. Laut yang dekat pantai tertakluk pada kedaulatan negara, sedangkan laut lepas merupakan laut yang bebas dari kekuasaan dan kedaulatan siapapun. Teori ini menjadi dasar bagi pembagian laut secara klasik iaitu laut teritorial dan laut lepas (Baslar, 1997).
- ¹¹ Keadaan ini dapat dilihat dalam kes Persidangan Den Haag 1930 apabila Liga Bangsa-Bangsa mengadakan Konferensi Kodifikasi Undang-Undang Antarabangsa yang meliputi tiga masalah yakni, kewarganegaraan (*nationality*); perairan teritorial (*territorial waters*); dan tanggung jawab negara untuk kerugian yang ditimbulkan dalam wilayahnya terhadap peribadi atau kekayaan orang asing (*responsibility of state*). Antara asas yang disepakati mengenai bidang kuasa laut oleh negara pantai hingga tahun 1930 adalah mengenai hakikat berdaulat di atas laut teritorial, kebebasan berlayar di laut lepas, *right of innocent passage* di laut teritorial dan hak *hot pursuit* di laut lepas. Walau bagaimanapun, Konferensi Kodifikasi Den Haag 1930 tidak berhasil mencapai kesepakatan tentang lebar laut teritorial. Namun demikian, beberapa masalah tentang laut teritorial mula mendapat kesepakatan mengenai pengertian, ruang lingkup dan sifat hukum dari laut teritorial itu sendiri. Selain itu ditetapkan pula mengenai persoalan lintas damai kapal-kapal asing melalui laut teritorial, bidang kuasa negara pantai atas kapal-kapal yang berada dalam laut teritorial serta berkenaan hak *instantaneous pursuit* (Koh, 1987: 715-717).
- ¹² Proklamasi Truman diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat, Harry S. Truman pada 28 September 1945 yang mencadangkan kekayaan alam pada dasar laut dan tanah di bawahnya yang berbatasan dengan pantai AS untuk kepentingan bangsa AS terutama kekayaan mineral khususnya minyak dan gas. Proklamasi ini dianggap sebagai tindakan sepihak yang mengakibatkan pertikaian terhadap negara maritim lain khususnya mengenai Pelantar Benua dan kegiatan perikanan oleh Truman (Chairul, 1998).
- ¹³ Definisi Undang-Undang Laut Antarabangsa merujuk kepada asas dan kaedah yang mengatur hak-hak dan kewajiban-kewajiban dari negara atas laut, baik laut di bawah bidang kuasa nasional negara pantai maupun laut lepas (*high seas*)

yang sifatnya bebas (*open seas*) dan menjadi milik masyarakat antarabangsa atau masyarakat bangsa-bangsa (Koh, 1987).

- ¹⁴ Sebagai suatu empayar yang menguasai seluruh *Mediterranean Ocean*, persoalan penguasaan laut tidak menimbulkan persoalan undang-undang kerana tidak ada pihak lain yang menentang atau menggugat kekuasaan mutlak Rom atau Lautan Tengah. Keadaan berubah bila pada saat itu ada kerajaan-kerajaan lain yang dapat mengimbangi kekuatan Rom. Tujuan dari penguasaan Rom atas laut itu adalah untuk membebaskannya dari bahaya ancaman lanun yang mengganggu keamanan pelayaran di laut. Keadaan ini menyumbang kepada perkembangan perdagangan dan kesejahteraan masyarakat yang berada di bawah kekuasaan Rom (Koh, 1987).
- ¹⁵ Antara konflik kelautan awal melibatkan kuasa Barat adalah tuntutan Venetia terhadap sebahagian besar Laut Adriatik. Tuntutan mereka diakui oleh Paus Alexander III dalam tahun 1177. Berdasarkan kekuasaannya atas Laut Adriatik ini, Venetia memungut cukai terhadap setiap kapal yang berlayar di sana. Genoa menuntut kekuasaan atas Laut Liguria dan sekitarnya dengan melakukan pelbagai tindakan untuk mengesahkan tuntutannya. Hal yang sama juga dilakukan oleh Pisa yang menuntut dan melakukan tindakan-tindakan penguasaan atas Laut Thyrrhenia. Antara istilah mengenai kelautan yang diperkenalkan oleh Barat sebelum abad ke-17 sehingga abad ke-19 adalah: Istilah *Res Communis Omnium*, istilah *res nullius*, istilah negara pantai, istilah negara terkurung, istilah *in Land Waters* dan istilah Perairan Pedalaman (Koh, 1987).
- ¹⁶ Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi perubahan dalam undang-undang laut antarabangsa selepas PDII. Pertama, faktor pertambahan jumlah negara yang merdeka sehingga mengakibatkan perubahan peta bumi politik yang semakin luas diseluruh dunia setelah berakhirnya PDII. Kedua, faktor kemajuan teknologi sebagai akibat tambahan dari kemajuan dalam teknologi yang terjadi dengan pesat selama PDII. Ketiga, pertambahan kebergantungan negara-negara pada hasil laut sebagai sumber kekayaan alam, termasuk sumber mineral minyak dan gas (Koh, 1987).